A

James a/l Kolandaisamy lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH B-09–185–08 TAHUN 2020, B-09–186–08 TAHUN 2020, B-09–205–09 TAHUN 2020, B-09–206–09 TAHUN 2020, B-09–207–09 TAHUN 2020, B-09–208–09 TAHUN 2020, B-09–215–09 TAHUN 2020, B-09–216–09 TAHUN 2020, B-09–217–09 TAHUN 2020, B-09–218–09 TAHUN 2020 DAN B-09–219–09 TAHUN 2020

C HADHARIAH SYED ISMAIL, AHMAD ZAIDI IBRAHIM DAN AZMI ARIFFIN HHMR

29 MEI 2024

D *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tuduhan secara bersesama — Kesalahan di bawah s 420 Kanun Keseksaan — Kedua-dua tertuduh disabitkan dan dikenakan hukuman pemenjaraan selama empat tahun dari tarikh jatuh hukum dan denda RM100,000 jika gagal bayar pemenjaraan selama tiga bulan — Sama ada terdapat pengataan palsu*

E *— Sama ada terdapat niat memperdaya — Sama ada terdapat pembelaan bermerit — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hukuman yang dikenakan berpatutan*

F *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 ('AMLATFPUAA') — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa harta yang diterima hasil daripada aktiviti jenayah — Sama ada pembelaan*

G *tertuduh-tertuduh bermerit — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hukuman yang dikenakan berpatutan*

H Perayu pertama ('Jaswinder Kaur') merupakan seorang peguam yang beramal di firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc manakala perayu kedua ('James Kolandaisamy') merupakan seorang penasihat undang-undang Sykt Patrade Global Link. Pengadu, Dato' Koay Hean Eng ('SP9') yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Sykt Kobay Technology Bhd telah berminat dengan satu projek usahasama dengan tuan punya hartanah iaitu Lembaga Getah Malaysia ('LGM') bagi memajukan hartanah milik LGM ('hartanah

I tersebut'). SP9 mengetahui tentang projek usahasama ini daripada rakan perniagaannya, Encik Patrick Goay Lean Seng ('SP4') pemilik Sykt G Capital Estates Sdn Bhd ('G Capital'). Sebelum itu, diperingkat awal Puan Roslindawaty bt Musanip ('SP3') yang bertindak sebagai agen syarikat G Capital telah mengetahui berkenaan projek usahasama ini daripada Encik Lam

Zi Qian ('SP1') di mana SP3 telah menyerahkan satu *proposal*/cadangan ('eksh P2') kepada SP1. Melalui eksh P2, tertera di atasnya bahawa sebarang urusan berkenaan hartanah tersebut perlu menghubungi firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc. Justeru, SP1 menghubungi perayu pertama ('tertuduh pertama') untuk satu perjumpaan. Pada 10 Mei 2015, satu pertemuan di Wisma YMCA di antara SP1, SP2 dengan tertuduh pertama dan perayu kedua ('tertuduh kedua') telah diadakan. Semasa perjumpaan tersebut, SP1 telah menunjukkan kepada tertuduh pertama eksh P2 dan tertuduh pertama mengakui bahawa eksh P2 tersebut dibuat oleh beliau. Tertuduh pertama juga memaklumkan kepada SP1 dan SP2 bahawa tertuduh kedua adalah 'personal consultant' kepada Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah ('SP8'), Pengerusi LGM dan menetapkan syarat wang komitmen sebanyak RM3.4 juta perlu dibayar jika berminat untuk membangunkan hartanah tersebut. Lanjutan itu, Sykt Kobay Technology Bhd telah melantik Tetuan Raziah & Partners untuk berurusan dengan firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc berkaitan hartanah tersebut. Sykt Kobay kemudiannya mengeluarkan dua cek bernilai RM2.5 juta dan menghantarnya kepada Tetuan Raziah & Partners. Puan Ong Swee Lee ('SP7') seorang peguam dari Tetuan Raziah & Partners, memberitahu firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc bahawa RM5 juta telah pun ada di dalam akaun Tetuan Raziah & Partners dan memberi suatu akujanji akan menyerahkan wang tersebut apabila 'joint development agreement' ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Syarat ini tidak dipersetujui oleh tertuduh pertama. Sebaliknya tertuduh pertama telah meminta supaya wang berjumlah RM3.4 juta dimasukkan ke dalam akaun Tetuan Jaswinder Gill & Assoc sebagai pemegang wang pertaruhan (*stakeholder*). SP9 bersetuju dengan permintaan tersebut dan mengarahkan SP7 memasukkan RM3.4 juta ke dalam akaun firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc sebagai *stakeholder* dengan syarat sekiranya 'joint development agreement' gagal ditandatangani pada atau sebelum 31 Oktober 2015, pihak firma guaman Jaswinder Gill & Assoc hendaklah mengembalikan RM3.4 juta kepada Sykt Kobay Technology Bhd. Melalui surat bertarikh 22 Oktober 2015, tertuduh pertama telah meminta perlanjutan masa selama 30 hari dari 30 Oktober 2015 bagi memuktamad dan melaksanakan 'joint development agreement' tersebut. Namum, pada 23 Oktober 2015, SP9 telah mendapat tahu melalui suatu pengisytiharan umum bahawa projek usahasama hartanah tersebut telah diawadkan kepada pihak ketiga. Lantas, SP9 memaklumkan bahawa Sykt Kobay Technology Bhd tidak lagi berminat untuk meneruskan dengan projek usahasama tersebut rentetan dari award yang diberikan kepada pihak ketiga dan SP9 selanjutnya memohon permulangan wang komitmen RM3.4 juta. Tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah pergi ke Pulau Pinang dan berjumpa dengan SP9 serta menyerahkan cek dari firma guaman Jaswinder Gill & Assoc akaun klien bernilai RM3.4 juta dibayar kepada Tetuan Raziah & Partners. Pada masa penyerahan cek tersebut, tertuduh pertama memohon agar cek tersebut tidak diberikan kepada Tetuan Raziah & Partners lagi kerana kekurangan dana dalam akaun tersebut. Sehingga kini, wang

RM3.4 juta masih belum dikembalikan kepada Sykt Kobay Technology Bhd dan satu laporan polis telah dibuat oleh SP9. Berikutan itu, perayu pertama dan kedua telah dituduh secara bersama di atas satu pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan ('KK') dan dibaca bersama KK. Tertuduh pertama juga dituduh dengan 22 pertuduhan di bawah s 4(1)(b) Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 ('AMLATFPUAA'). Manakala, tertuduh kedua juga turut dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA. Di akhir kes pembelaan, hakim sesyen ('HMS') mendapati kedua-dua tertuduh bersalah di atas kesemua pertuduhan. Bagi pertuduhan di bawah s 420 KK, No Kes BH-62K-01–01 Tahun 2017, tertuduh pertama dan kedua dikenakan hukuman pemenjaraan selama empat tahun dari tarikh jatuh hukum dan denda RM100,000 jika gagal bayar pemenjaraan selama tiga bulan. Bagi pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA, No Kes BH-62K-02–03 Tahun 2017, tertuduh kedua dikenakan hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun. Untuk 22 pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA, nombor Kes BH-62K-03–03 Tahun 2017 sehingga BH-62K-10–03 Tahun 2017, tertuduh pertama dikenakan hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun untuk kesemua pertuduhan. HMS memerintahkan hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh pertama bagi Kes No BH-62K-03–03 Tahun 2017 sehingga BH-62K-10–03 Tahun 2017 berjalan serentak. Manakala hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua bagi Kes No BH-62K-02–03 Tahun 2017 sehingga BH-62K-10–03 Tahun 2017 bermula selepas tamat hukuman nombor Kes No BH-62K-01–01 Tahun 2017. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah menolak rayuan kedua-dua tertuduh terhadap sabitan dan hukuman. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman:

(1) Tertuduh pertama telah membuat pengataan palsu bahawa pihak Lembaga Getah Malaysia meletakkan syarat untuk Sykt Kobay Technology Bhd membayar wang komitmen sebanyak RM3.4 juta sedangkan pihak Lembaga Getah Malaysia tidak pernah menetapkan mana-mana syarikat yang berminat untuk meletakkan wang komitmen bagi memulakan rundingan berkenaan pembagunan hartanah tersebut. Ekshibit P2 telah disediakan oleh tertuduh pertama bertujuan untuk memperdayakan mana-mana orang termasuklah broker hartanah (SP1, SP2 dan SP3) dan SP4 serta SP9 mengenai proposal tersebut (lihat perenggan 65–66).

(2) Hujahan pihak pembelaan bahawa: (a) pertuduhan di bawah s 420 KK tidak berasas kerana tiada perjumpaan yang berlaku di antara SP9 dan kedua-dua tertuduh di Wisma YMCA; dan (b) pertemuan usahasama hanyalah dibuat di antara kedua-dua tertuduh dengan SP7 dari Tetuan

Raziah & Partners sahaja tanpa kehadiran SP9 tidak mempunyai merit kerana berdasarkan kepada keseluruhan keterangan kes pendakwaan, pada 9 September 2015 pembayaran RM3.4 juta telah dilakukan melalui cek kepada firma guaman Jaswinder Gill & Assoc dan firma guaman tersebut telah mengesahkan penerimaannya pada 10 September 2015 (lihat perenggan 67–68).

(3) Niat curang tertuduh pertama dan tertuduh kedua boleh disiratkan melalui tindakan mereka memohon perlanjutan masa sebulan dari 31 Oktober 2015 untuk perlaksanaan 'joint development agreement' sedangkan Sykt Kobay Technology Bhd melalui SP9 telah mendapat tahu bahawa hartanah tersebut telah diberi *provisional award* kepada pihak ketiga sejak 10 Julai 2014 dan permintaan SP9 untuk berjumpa dengan SP8 untuk klarifikasi tidak pernah dipenuhi oleh tertuduh pertama dan tertuduh kedua menyebabkan SP9 terpaksa menghubungi SP8 sendiri dan akhirnya SP9 menyedari telah ditipu oleh kedua-dua tertuduh. Berpaksikan kepada keterangan, adalah terang bahawa SP9 tidak akan mengarahkan SP7 menyerahkan wang RM3.4 juta kepada firma guaman tertuduh pertama sekiranya tidak diperdaya dengan curang oleh kedua-dua tertuduh dengan menawarkan projek usahasama dengan Lembaga Getah Malaysia yang tidak wujud (lihat peranggan 72–73).

(4) Hujahan mengenai cek bernilai RM3.4 juta telah didepositkan ke dalam akaun firma tertuduh pertama oleh Tetuan Raziah & Partners dan dengan demikian tertuduh kedua tiada kaitan dengan pertuduhan di bawah s 420 KK dan pertuduhan bawah AMLATFPUAA tidak mempunyai merit. Penglibatan tertuduh kedua sebagai 'personal consultant' kepada SP8 iaitu CEO Lembaga Getah Malaysia mengenai urusan projek usahasama ini dilakukan dengan niat bersama dengan tertuduh pertama dari awal sehingga penipuan mereka ini terdedah (lihat perenggan 74–75).

(5) Bagi kesalahan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA, tertuduh pertama dan tertuduh kedua mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa harta yang diterima adalah hasil daripada aktiviti jenayah. Melalui eksh P31, dapat dilihat bahawa terdapat pengaliran wang keluar dari akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc yang sepatutnya disimpan oleh tertuduh pertama sebagai pemegang wang pertaruhan dan tidak boleh digunakan untuk urusniaga lain selain daripada urusan dengan SP9 sahaja. Pembelaan yang dibangkitkan bahawa wang RM3.4 juta tersebut adalah yuran professional dimana tertuduh pertama berhak mengeluarkan wang-wang tersebut untuk membuat bayaran-bayaran seperti yang dinyatakan di atas adalah tidak berasas sama sekali serta gagal menimbulkan sebarang keraguan yang

munasabah. Selain itu, keterangan kedua-dua tertuduh saling bercanggah di antara satu dengan yang lain (lihat perenggan 79–80).

(6) Tidak terdapat kekhilafan mengenai sabitan di dalam keputusan yang di buat oleh HMS yang kemudiannya disahkan oleh HMT. Oleh itu, tiada merit dalam rayuan oleh kedua-dua tertuduh ini. Sabitan terhadap kedua-dua tertuduh di bawah s 420 KK dan s 4(1)(b) AMLATFPUAA adalah selamat untuk dikekalkan. Hukuman bagi pertuduhan di bawah s 420 KK terhadap kedua-dua tertuduh iaitu pemenjaraan selama empat tahun dan denda RM100,000 jika gagal bayar pemenjaraan selama tiga bulan dikekalkan. Rayuan kedua-dua tertuduh terhadap hukuman ditolak (lihat perenggan 83–84).

[English summary

The first appellant ('Jaswinder Kaur') was a practicing lawyer at Messrs Jaswinder Gill & Assoc law firm and the second appellant ('James Kolandaisamy') was a legal advisor to Patrade Global Link Company. The complainant, Dato' Koay Hean Eng ('PW9'), the Chief Executive Officer of Sykt Kobay Technology Bhd was interested in a joint venture project with the property owner, the Malaysian Rubber Board ('LGM') to develop the property owned by LGM ('the said property'). PW9 learned about the joint venture project from its business partner, Mr Patrick Goay Lean Seng ('PW4') the owner of G Capital Estates Sdn Bhd ('G Capital'). Prior to that, in the early stages, Mrs Roslindawaty bt Musanip ('PW3') acted as an agent of G Capital had learned about this joint venture project from Mr Lam Zi Qian ('PW1') where PW3 had submitted a proposal ('exh P2') to PW1. Through exh P2, it was revealed that any dealings related to the said property should go through the legal firm Messrs Jaswinder Gill & Assoc. Thus, the PW1 contacted the first appellant ('first accused') for a meeting. On 10 May 2015, a meeting was held at Wisma YMCA between PW1, PW2 and the first accused and the second appellant ('second accused'). During the meeting, PW1 showed exh P2 to the first accused and the first accused admitted that the P2 exhibit was made by him. The first accused also informed PW1 and PW2 that the second accused was a 'personal consultant' to Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah ('PW8'), the Chairman of LGM and set a condition that the amount of RM3.4m must be paid if he is interested in developing the said property. Following that, Sykt Kobay Technology Bhd had appointed Messrs Raziah & Partners to deal with Messrs Jaswinder Gill & Assoc in relation to the said property. Kobay then issued two cheques worth RM2.5m and sent to Messrs Raziah & Partners. Madam Ong Swee Lee ('PW7'), a lawyer from Messrs Raziah & Partners, told legal firm Messrs Jaswinder Gill & Assoc that RM5m was already in Messrs Raziah & Partners account and gave an undertaking to hand over the money when the joint development agreement was signed by both parties. This condition was not agreed to by the first accused. Instead, the first accused had requested that the RM3.4m be deposited into the account of Messrs Jaswinder

Gill & Assoc as stakeholder. PW9 agreed to the request and instructed PW7 to deposit RM3.4m into the account of legal firm Messrs Jaswinder Gill & Assoc as a stakeholder on the condition that if the joint development agreement failed to be signed on or before 31 October 2015, the firm Jaswinder Gill & Assoc must return RM3.4m to Sykt Kobay Technology Bhd. Vide letter dated 22 October 2015, the first accused requested an extension of 30 days from 30 October 2015 to finalise and enforced the joint development agreement. However, on 23 October 2015, PW9 learned through a public declaration that the joint venture project on the said property had been awarded to a third party. Then, PW9 informed that Sykt Kobay Technology Bhd was no longer interested in continuing with the joint venture project following the award given to a third party and SP9 further applied for a commitment of RM3.4m. The first and second accused had travelled to Penang and met with the PW9 and handed over a cheque from the legal firm Jaswinder Gill & Assoc for the client's account worth RM3.4m payable to Messrs Raziah & Partners. During the handover of the cheque, the first accused requested the cheque not to be given to Messrs Raziah & Partners again due to lack of funds in the account. To date, RM3.4m has yet to be returned to Kobay Technology Bhd and police report had been lodged by PW9. Following that, the first and second appellants were jointly charged under one charge under s 420 of the Penal Code ('the PC') read together with s 24 of the PC. The first accused was also charged with 22 charges under s 4(1)(b) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Money Activities Act 2001 ('the AMLATFPUAA'). Meanwhile, the second accused was also charged with one charge under s 4(1)(b) of the AMLATFPUAA. At the end of the defence case, the sessions court judge ('SCJ') found both accused guilty on all charges. For the charge under s 420 of the PC, Case No BH-62K-01–01 of 2017, the first and second accused were sentenced to imprisonment of four years from the date of sentencing and a fine of RM100,000 in default three months imprisonment. For the charge under s 4(1)(b) of the AMLATFPUAA, Case No BH-62K-02–03 of 2017, the second accused was sentenced to two years' imprisonment and a fine of RM5m in default one year imprisonment. For the 22 charges under s 4(1)(b) of the AMLATFPUAA, Case Nos BH-62K-03–03 of 2017 to BH-62K-10–03 of 2017, the first accused was sentenced to two years' imprisonment and a fine of RM5m in default one year imprisonment for all charges. The SCJ ordered the imprisonment sentence of the first accused for Case No BH-62K-03–03 of 2017 until BH-62K-10–03 of 2017 to be run concurrently. Meanwhile, the imprisonment sentence for the first and second accused for Case No BH-62K-02–03 of 2017 until BH-62K-10–03 of 2017 commenced after the expiry of their sentence Case No BH-62K-01–01 of 2017. The High Court judge ('HCJ') dismissed the appeal by both accused against the said conviction and sentence. Hence, this appeal.

Held, dismissing appeal on conviction and sentence:

(1) The first accused had made a false statement that the Malaysian Rubber Board had set a condition for Kobay Technology Bhd to pay a commitment of RM3.4m while the Malaysian Rubber Board had never stipulated that any company required to deposit commitment money to start negotiations on the development of the said property. The exh P2 was prepared by the first accused with the intent to deceive any person including the property brokers (PW1, PW2 and PW3), PW4 and PW9 on the said proposal (see paras 65–66).

(2) The defence's submission that: (a) the charge under s 420 of the Penal Code was baseless as there was no meeting between PW9 and both accused at Wisma YMCA; and (b) the joint venture meeting was only made between both accused and PW7 from Messrs Raziah & Partners only without the presence of PW9 had no merit due to the evidence of the prosecution's case, showing that on 9 September 2015, the payment of RM3.4m was made by cheque to the legal firm Jaswinder Gill & Assoc and the firm acknowledged its receipt on 10 September 2015 (see paras 67–68).

(3) The fraudulent intention of the first and second accused could be implied by their action of applying for an extension of time ie one month from 31 October 2015 to enforce the joint development agreement whereas Kobay Technology Bhd through PW9 had been aware that the property had been given a provisional award to the third party since 10 July 2014 and the request of PW9 to meet with PW8 for clarification had never been fulfilled by the first and second accused. This had caused PW9 to contact the PW8 himself and finally PW9 realised that he had been deceived by both accused. Based on the evidence, it was clear that PW9 would not have ordered PW7 to hand over RM3.4m to the legal firm of the first accused if it had not been fraudulently deceived by both accused by offering the non-existent joint venture project with the Rubber Board of Malaysia (see paras 72–73).

(4) There was an issue on the cheque worth RM3.4m was deposited into the firm's account of the first accused by Messrs Raziah & Partners and thus, the second accused had nothing to do with the charge under s 420 of the Penal Code and the charge under the AMLATFPUAA had no merit. The involvement of the second accused as 'personal consultant' to PW8, the CEO of the Rubber Board of Malaysia on the affairs of this joint venture project was done with the common intention with the first accused from the beginning until their fraud was exposed (see paras 74–75).

(5) For the offence under s 4(1)(b) of the AMLATFPUAA, the first and second accused knew or had a reason to believe that the property received was the proceeds of criminal activities. Through exh P31, it could be seen that there was a trace of money withdrawn from the account of the legal firm Jaswinder Gill & Assoc which should have been kept by the first

accused as the holder of the money and could not be used for any other transaction other than dealing with PW9 only. The defence's averment that the RM3.4m was a professional fee whereby the first accused was entitled to withdraw the money to make the payments was completely baseless and failed to raise any reasonable doubt. In addition to that, the testimony of both accused contradicted each other (see paras 79–80).

(6) There was no error in the order of conviction made by SCJ which was later confirmed by HCJ. Therefore, there was no merit in the appeal by both accused. The conviction of both accused under s 420 of the Penal Code and s 4(1)(b) of the AMLATFPUAA was safe. The sentence for the charge under s 420 of the Penal Code against both accused ie four years' imprisonment and a fine of RM100,000 in default there months imprisonment was affirmed. The appeal against the sentence was dismissed (see paras 83–84).]

Kes-kes yang dirujuk

Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, MP (dirujuk)

Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP & other appeals [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)

Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197, MP (dirujuk)

Namasiyiam Doraisamy v PP & Other Cases [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540, MA (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 ss 3, 4(1)(b), Jadual Kedua

Kanun Keseksaan ss 23, 24, 34, 415, 420

Rayuan daripada: *Jaswinder Kaur a/p Gurbachan Singh dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [2020] MLJU 2288 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Naran Singh (Amrick Singh Sandu bersamanya) (Selvam Shanmugam & Partners) bagi pihak perayu.

Norzilati Izhani Zaonal @ Zainol (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap perayu pertama (Jaswinder Kaur a/p Gurbachan Singh) dan perayu kedua (James a/l Kolandaisamy) bermula di Mahkamah Sesyen Kajang, Selangor di mana kedua-dua perayu telah dituduh secara bersama di atas satu pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

[2] Tertuduh pertama juga dituduh dengan 22 pertuduhan di bawah s 4(1)(b) Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 ('AMLATFPUAA 2001').

[3] Manakala, tertuduh kedua juga turut dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s 4(1)(b) Akta (AMLATFPUAA 2001).

[4] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk pihak-pihak sepertimana panggilan mereka di mahkamah sesyen iaitu perayu pertama sebagai tertuduh pertama dan perayu kedua sebagai tertuduh kedua.

PERTUDUHAN

[5] Pertuduhan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua adalah seperti berikut:

Pertuduhan s 420 Kanun Keseksaan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua:

> Bahawa kamu secara bersama pada 10 September 2015 di No 7, 2nd floor, Jalan Reko Sentral 4, Reko Sentral Commercial Centre, Jalan Reko, dalam daerah Kajang, didalam negeri Selangor, telah menipu dan mendorong Dato Koay Hean, kpt:581127–07–5439 untuk menyerahkan sekeping cek bernombor 750424 (Hong Leong Islamic Bank) bernilai RM3.4 juta dengan menawarkan projek usahasama dengan LGM yang tidak wujud dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 terhadap tertuduh pertama:

(a) Bagi nombor Kes BH-62K-03–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

> (i) Pertuduhan Pertama:
>
> Bahawa kamu pada 22 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM140,000.00, melalui cek bernombor 285181 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor

Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Tarandev Singh A/L Gurdip Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu antara 22 September 2015 hingga 22 Oisember 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM70,321.20, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran duti setem kepada Pejabat Pemungut Duti Setem dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 23 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM10,000.00, melalui cek bernombor 285191 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran akaun kad kredit AmBank(M) Berhad bernombor 4293132683005390 milik kamu dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(b) bagi nombor Kes BH-62K-04–03 Rahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 25 September 2015 sehingga 28 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM69,000.00, melalui cek bernombor 285197 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) dan 'Banker's Cheque' bernombor 835187 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembelian sebuah kenderaan Mercedes Benz E240 (A) bernombor pendaftaran WYK2152 milik kamu, dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu antara 29 September 2015 hingga 19 Oktober 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM80,000.00, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Saudagar Singh a/l Habira Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iv) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 29 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM25,000.00, melalui cek bernombor 285189 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Sevinder Singh a/l Fauja Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Oaripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(c) bagi nombor Kes BH-62K-05–03 Rahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 22 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM199,407.18, melalui cek bernombor 285157 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Bala Muralithara a/I Balakrishnan dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 22 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM549,162.00, melalui cek bernombor 285187 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) dan 'Banker's Cheque' bernombor 235146 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Tan Kim Loon dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta

Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 22 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM220,000.00, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Sarendar Singh a/l Al Maqbool Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(d) bagi nombor Kes BH-62K-06–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 23 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM13,715.17, melalui cek bernombor 285190 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran akaun kad kredit Standard Chartered bernombor 5404781001880414 milik kamu dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 23 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM10,000.00, melalui cek bernombor 285173 milik Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Azlan Shah Sukhdev & Co dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 23 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM26,000.00, melalui cek bernombor 284140 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor

Pendaftaran: BC/J/233) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi untuk pembayaran kepada Revcoll Enterprise dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(e) bagi nombor Kes BH-62K-07–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 30 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM6,113.50, melalui cek bernombor 285199 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Muhammad Erlly Elias dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 30 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM20,000.00, melalui cek bernombor 285192 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembaya ran kepada Rakesh Singh Gill dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 13 Oktober 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM3,400.00, melalui cek bernombor 284141 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Lee Kok Chye dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(f) bagi nombor Kes BH-62K-08–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu antara 14 September 2015 hingga 30 Disember 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah melibatkan diri dalam aktiviti pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang sejumlah RM161,100.00 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, daripada akaun semasa bernombor 20100011487 milik firma guaman kamu Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) di Hong Leong Bank Berhad ke dalam akaun semasa bernombor 20100011470 milik firma guaman kamu di Hong Leong Bank Berhad dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu antara 14 September 2015 hingga 10 Disember 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah memperoleh wang sejumlah RM426,000.00, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 14 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM188,000.00, melalui cek bernombor 285156 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Mokhtar Singh NL Lal Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(g) bagi nombor Kes BH-62K-09–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(i) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu antara 15 September 2015 hingga 15 Oktober 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM35,000.00, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Darshan Singh dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan

Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(ii) Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 17 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam Negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM261,053.75, melalui cek bernombor 285154 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Mohd Amin Bin Mat Jidon dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(iii) Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 18 September 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM20,150.00, melalui cek bernombor 285161 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, un tuk pemba yaran kepada HYK Land and Development Sdn Bhd dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

(h) bagi nombor Kes BH-62K-10–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

Bahawa kamu pada 06 November 2015 di Hong Leong Bank Berhad Cawangan Semenyih, No 7 & 9, Jalan Pasar Baru 2, Seksyen 3, Bandar Semenyih, 43500 Semenyih, di dalam negeri Selangor, telah menggunakan wang sejumlah RM622,675.47, melalui cek bernombor 286215 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada akaun semasa Jaswinder Gill & Associates (Nombor Pendaftaran: BC/J/238) bernombor 20100011487 yang mana kamu merupakan rakan kongsi, untuk pembayaran kepada Wong Choo & Partners dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) Akta yang sama.

Pertuduhan s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 terhadap tertuduh kedua:

(b) Bagi nombor Kes BH-62K-02-03 Tahun 2017 (tertuduh kedua)

Bahawa kamu pada 25 September 2015, di Prominent Automobile, Lot 88, Jln Kepong, Desa Jaya, 52100 Kepong, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menggunakan wang berjumlah RM43,000.00, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, melalui 'Banker's Cheque' Hong Leong Bank Berhad

bernombor 235157 bertarikh 25 September 2015 sebagai bayaran kepada Prominent Automobile untuk pembelian sebuah kenderaan Mercedes Benz S280 bernombor pendaftaran WB 9682 v Oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

[6] Di akhir kes pembelaan, pada 6 Julai 2018, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati kedua-dua tertuduh bersalah di atas kesemua pertuduhan di atas dan mereka berdua dikenakan hukuman seperti berikut:

(a) s 420 Kanun Keseksaan:

(i) bagi nombor Kes BH-62K-01–01 Tahun 2017 (tertuduh pertama dan tertuduh kedua):

(1) tertuduh pertama: hukuman pemenjaraan selama empat tahun dari tarikh jatuh hukum (6 Julai 2018) dan denda RM100,000 jika gagal bayar pemenjaraan selama tiga bulan; dan

(2) tertuduh kedua: hukuman pemenjaraan sekama empat tahun dari tarikh jatuh hukum (6 Julai 2018) dan denda RM100,000 jika gagal bayar hukuman pemenjaraan selama tiga bulan.

(b) s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001:

(i) bagi nombor Kes BH-62K-02–03 Tahun 2017 (tertuduh kedua):

Hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(ii) bagi nombor Kes BH-62K-03–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

(2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

(3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(iii) bagi nombor Kes BH-62K-04–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

(2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan

A denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

(3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

B (iv) bagi nombor Kes BH-62K-05–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

C (2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

(3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan
D denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(v) bagi nombor Kes BH-62K-06–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu
E tahun;

(2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

F (3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(vi) bagi nombor Kes BH-62K-07–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

G (1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

(2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;
H dan

(3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(vii) bagi nombor Kes BH-62K-08–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):
I

(1) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

(2) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan

denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

(3) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(viii) bagi nombor Kes BH-62K-09–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

(a) pertuduhan pertama: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

(b) pertuduhan kedua: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun; dan

(c) pertuduhan ketiga: hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun.

(ix) bagi nombor Kes BH-62K-10–03 Tahun 2017 (tertuduh pertama):

Hukuman pemenjaraan selama dua tahun dan denda RM5 juta jika gagal bayar pemenjaraan selama satu tahun;

[7] Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana memerintahkan hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh pertama bagi Kes No BH-62K-03–03 Tahun 2017 sehingga BH-62K-10–03 Tahun 2017 berjalan serentak.

[8] Manakala hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua bagi Kes No BH-62K-02–03 Tahun 2017 sehingga BH-62K-10–03 Tahun 2017 bermula selepas tamat hukuman nombor Kes No BH-62K-01–01 Tahun 2017.

[9] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pada 7 Ogos 2018 kedua-dua perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam.

[10] Pada 17 Ogos 2020, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menolak kesemua rayuan kedua-dua perayu terhadap sabitan dan hukuman dan mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen.

[11] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, pada 19 Ogos 2022, tertuduh kedua telah menfailkan notis rayuan terhadap kedua-dua sabitan dan hukuman di Mahkamah Rayuan.

[12] Manakala pada 27 Ogos 2022, tertuduh pertama pula telah menfailkan notis rayuan terhadap kedua-dua sabitan dan hukuman di Mahkamah Rayuan.

A FAKTA KES PENDAKWAAN BAGI PERTUDUHAN DI BAWAH S 420 KANUN KESEKSAAN

[13] Tertuduh pertama adalah merupakan seorang peguam yang beramal di firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc manakala tertuduh kedua pula merupakan seorang penasihat undang-undang (*legal advisor*) Sykt Patrade Global Link sebagaimana yang tertera pada kad bisnes syarikat tersebut ('eksh P87').

[14] Pengadu, Dato' Koay Hean Eng ('SP9') di dalam kes ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Sykt Kobay Technology Bhd yang berminat dengan satu projek usahasama dengan tuan punya hartanah iaitu Lembaga Getah Malaysia ('LGM') bagi memajukan hartanah milik LGM di Lot 282, Jalan Stonor, Seksyen 63, Daerah Bandar Kuala Lumpur ('hartanah tersebut').

[15] SP9 mengetahui tentang projek usahasama ini daripada rakan perniagaannya, Encik Patrick Goay Lean Seng ('SP4') pemilik Sykt G Capital Estates Sdn Bhd ('G Capital') dan mengarahkan SP4 mendapatkan maklumat lanjut berkenaan projek ini.

[16] Sebelum itu, diperingkat awal Puan Roslindawaty bt Musanip ('SP3') yang bertindak sebagai agen syarikat G Capital mengetahui berkenaan projek usahasama ini daripada Encik Lam Zi Qian ('SP1'). SP1 pula mengetahui tentang projek usahasama tersebut daripada SP3 di mana SP3 telah menyerahkan satu *proposal*/cadangan ('eksh P2') kepada SP1 melalui email.

[17] Melalui eksh P2, tertera di atasnya bahawa sebarang urusan berkenaan hartanah tersebut perlu menghubungi firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc. Justeru itu, SP1 menghubungi tertuduh pertama untuk membuat perjumpaan bagi perbincangan lanjut berkenaan projek hartanah tersebut.

[18] Pada 10 Mei 2015, berlangsung satu pertemuan di Wisma YMCA di antara SP1, SP2 dengan tertuduh pertama dan tertuduh kedua. Semasa perjumpaan tersebut, SP1 telah menunjukkan kepada tertuduh pertama eksh P2 dan tertuduh pertama mengakui bahawa eksh P2 tersebut dibuat oleh beliau. Tertuduh pertama juga memaklumkan kepada SP1 dan SP2 bahawa tertuduh kedua adalah 'personal consultant' kepada Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah ('SP8'), Pengerusi Lembaga Getah Malaysia ('LGM') dan menetapkan syarat wang komitmen sebanyak RM3.4 juta perlu dibayar jika berminat untuk membangunkan hartanah tersebut.

[19] Selepas itu, SP2 telah menghubungi Encik Patrick Goay Lean Seng ('SP4') dan memaklumkan berkenaan syarat wang komitmen yang dikenakan tersebut. SP4 pun terus menghubungi tertuduh pertama dan tertuduh kedua

dan sekali lagi tertuduh pertama dan tertuduh kedua menyatakan kepada SP4 bahawa mereka berdua adalah wakil Lembaga Getah Malaysia dalam menguruskan hartanah tersebut.

[20] SP2 juga memaklumkan kepada SP4 bahawa SP4 perlu berurusan dengan tertuduh pertama yang merupakan wakil yang dilantik oleh Lembaga Getah Malaysia.

[21] Kemudiannya, SP4 telah menghubungi SP9 dan memaklumkan kepada SP9 bahawa tertuduh pertama dari firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc mewakili SP8, pengerusi Lembaga Getah Malaysia dan juga memaklumkan kepada SP9 berkenaan wang komitmen RM3.4 juta yang perlu dibayar sebagai tanda Sykt Kobay Technology Bhd berminat dengan projek usahasama tersebut.

[22] Lanjutan daripada itu, Sykt Kobay Technology Bhd telah melantik Tetuan Raziah & Partners untuk berurusan dengan firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc berkaitan hartanah tersebut.

[23] Selepas itu, Sykt Kobay telah mengeluarkan dua cek iaitu PBB No 155580 dan PBB No 290851 di mana setiap satu bernilai RM 2.5 juta dan dihantar terus kepada Tetuan Raziah & Partners.

[24] Melalui surat (eksh P12), Puan Ong Swee Lee ('SP7') seorang peguam dari Tetuan Raziah & Partners memberitahu kepada firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc bahawa RM5 juta telah pun ada di dalam akaun Tetuan Raziah & Partners dan SP7 memberi suatu akujanji akan menyerahkan wang tersebut apabila 'joint development agreement' ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun syarat ini tidak dipersetujui oleh tertuduh pertama. Sebaliknya tertuduh pertama telah meminta supaya wang berjumlah RM3.4 juta tersebut dimasukkan ke dalam akaun Tetuan Jaswinder Gill & Assoc sebagai pemegang wang pertaruhan (*stakeholder*).

[25] SP7 dan SP4 memaklumkan kepada SP9 bahawa tertuduh pertama telah meminta RM3.4 juta sebagai 'proof of funds' dimasukkan ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc.

[26] SP9 bersetuju dengan permintaan tersebut dan mengarahkan SP7 memasukkan RM3.4 juta ke dalam akaun firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc sebagai stakeholder dan sekiranya 'joint development agreement' gagal ditandatangani pada atau sebelum 31 Oktober 2015, pihak firma guaman Jaswinder Gill & Assoc hendaklah mengembalikan RM3.4 juta kepada Sykt Kobay Technology Bhd (eksh P13).

A **[27]** Pada 9 September 2015, pembayaran RM3.4 juta dilakukan melalui cek HLB No 750242 kepada firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc dan firma guaman tersebut juga telah mengesahkan penerimaannya pada 10 September 2015.

B **[28]** Pada 11 September 2015, Tetuan Raziah & Partners telah memulangkan kembali baki wang berjumlah RM1.6 juta (RM5 juta tolak RM3.4 juta) kepada Sykt Kobay Technology Bhd.

C **[29]** Melalui surat bertarikh 22 Oktober 2015 (eksh P15), tertuduh pertama telah meminta perlanjutan masa selama 30 hari dari 30 Oktober 2015 bagi memuktamad dan melaksanakan 'joint development agreement' tersebut.

[30] Pada 23 Oktober 2015, SP9 telah mendapat tahu melalui suatu
D pengisytiharan umum bahawa projek usahasama hartanah tersebut telah diawardkan kepada pihak ketiga iaitu Sykt Tenang Sempurna Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat kepada Titijaya Land Bhd. Lantas, SP9 terus mengarahkan Tetuan Raziah & Partners untuk menulis surat memohon satu mesyuarat diadakan dengan Lembaga Getah Malaysia bagi mendapatkan
E klarifikasi berkenaan award tersebut kepada Sykt Tenang Sempurna Sdn Bhd sebelum tarikh 31 Oktober 2015.

[31] Pada masa sama, SP9 telah meminta SP4 untuk mengaturkan satu
F mesyuarat di Hotel Hilton pada 28 Oktober 2015. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh SP9, SP4, SP2, tertuduh pertama dan tertuduh kedua di mana tertuduh kedua memperkenalkan dirinya sebagai wakil SP8 dari Lembaga Getah Malaysia. Mesyuarat dimaklumkan bahawa SP8 tidak dapat hadir kerana berada di luar negara.

G **[32]** Semasa mesyuarat itu, SP9 memaklumkan bahawa Sykt Kobay Technology Bhd tidak lagi berminat untuk meneruskan dengan projek usahasama tersebut rentetan dari awad yang diberikan kepada pihak ketiga dan SP9 selanjutnya memohon permulangan wang komitmen RM3.4 juta
H sebelum 31 Oktober 2015. Tertuduh pertama memaklumkan akan menyampaikan berita tersebut kepada SP8 bagi mendapatkan arahan daripada SP8. SP9 juga memohon agar tertuduh pertama mengemukakan sepucuk surat mengesahkan butir-butir yang dinyatakan di dalam mesyuarat itu.

I **[33]** Akan tetapi, bercanggah dengan apa dipersetujui dalam mesyuarat yang berlangsung pada 28 Oktober 2015, tertuduh pertama telah mengemukakan sepucuk surat bertarikh 29 Oktober 2015 kepada Tetuan Raziah & Partners namun kandungannya tidak mengesahkan berkenaan pemulangan wang komitmen.

[34] Pada 19 November 2015, SP9 menghubungi SP8 secara peribadi bertanyakan berkenaan projek usahasama hartanah tersebut dan SP8 memaklumkan bahawa beliau tiada mempunyai apa-apa pengetahuan langsung mengenai projek usahasama hartanah tersebut.

[35] Sejak dari itu, SP9 telah menghubungi tertuduh pertama dan tertuduh kedua melalui telefon, pesanan ringkas dan whatsapp menuntut pemulangan wang komitmen yang dipegang oleh firma guaman Tetuan Jaswinder Gill & Assoc sebagai *stakeholder* dan mereka menyatakan akan memulangkan wang tersebut di dalam tempoh dua atau tiga hari.

[36] Pada 27 November 2015, SP9 telah membuat laporan polis ('eksh P21') berkenaan perkara di atas.

[37] Pada 18 Januari 2016, tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah pergi ke Pulau Pinang dan berjumpa dengan SP9 serta menyerahkan cek dari firma guaman Jaswinder Gill & Assoc Akaun Klien No 286241 ('eksh P23') bernilai RM3.4 juta dibayar kepada Tetuan Raziah & Partners. Pada masa penyerahan cek tersebut, tertuduh pertama memohon agar cek tersebut tidak diberikan kepada Tetuan Raziah & Partners lagi kerana kekurangan dana dalam akaun tersebut. Tertuduh pertama mengatakan akan memaklumkan kepada SP9 jika dana dalam akaun klien sudah penuh. Cek tersebut masih disimpan oleh SP9 namun tidak lagi laku kerana sudah melebihi enam bulan.

[38] Sehingga kini, wang RM3.4 juta masih belum dikembalikan kepada Sykt Kobay Technology Bhd.

FAKTA KES BAGI PERTUDUHAN DI BAWAH S 4(1)(B) AMLATFPUAA 2001

[39] Tetuan Raziah & Partners telah memasukkan wang sebanyak RM3.4 juta ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc.

[40] Tiada jumlah lain yang telah dimasukkan ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc. Wang tersebut sepatutnya disimpan oleh tertuduh pertama sebagai pemegang wang pertaruhan dan tidak boleh digunakan untuk membayar kepada saksi-saksi pendakwaan.

[41] Namun begitu, melalui eksh P31 dapat dilihat bahawa terdapat pengaliran keluar wang RM3.4 juta dari akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc kepada saksi-saksi pendakwaan yang berlaku dalam sepanjang tempoh bulan September 2015 sehingga December 2019 untuk bayaran-bayaran berikut:

(a) pembelian kereta Mercedes No Kes BH-62K-02–03 Tahun 2017;

(b) baki jual beli rumah, duti setem kepada pemungut duti setem, pembayaran kad kredit (rujuk Kes BH-62K-03–03 Tahun 2017);

(c) bayaran balik pinjaman (rujuk Kes BH-62K-04–03 Tahun 2017);

(d) bayaran penjualan rumah dan pembayaran balik pinjaman (rujuk Kes BH-62K-05–03 Tahun 2017);

(e) kad kredit RM13,715.17, bayaran guaman RM10,000, bayaran balik pinjaman 26,000 (rujuk Kes BH-62K-06–03 Tahun 2017);

(f) bayaran ganti rugi RM6,113.50, bayaran RM22,000 bagi pelaburan, bayaran pengurusan hak milik serata (RM3,400) rujuk Kes BH-62K-07–03 Tahun 2017);

(g) pemindahan wang sebanyak RM161,100 memperolehi RM426,000, bayaran penjualan hartanah RM188,000 (rujuk Kes BH-62K-08–03 Tahun 2017);

(h) bayaran pinjaman RM35,000, bayaran harga baki penjualan RM261,053.75 dan bayaran baki jual beli RM20,150 (rujuk Kes BH-62K-09–03 Tahun 2017); dan

(i) bayaran baki belian hartanah RM622,675.47.

RUMUSAN DAPATAN MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

Bagi pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan

[42] Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya bagi pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie bagi pertuduhan predikat di bawah s 420 Kanun Keseksaan. Di antara alasan-alasan yang diberikan adalah seperti berikut:

(a) tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah memperdayakan SP9 untuk mempercayai bahawa kedua-dua tertuduh boleh mendapatkan projek usahasama dengan Lembaga Getah Malaysia untuk membangunkan tanah tersebut. Meskipun hartanah tersebut telah diawardkan kepada pihak ketiga, namun tertuduh pertama sehingga kini masih gagal memulangkan kembali wang berjumlah RM3.4 juta tersebut kepada SP9 yang dipegang sebagai *stakeholder*;

(b) tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah dengan niat curangnya mendorong SP9 mengarahkan SP7 memindahkan wang dari akaun Tetuan Raziah & Partners kepada akaun klien firma guaman Jaswinder Gill & Assoc sedangkan kedua-dua tertuduh tidak mewakili Lembaga

Getah Malaysia dan memanipulasikan mangsa dengan memperdayakan projek hartanah tersebut sedang dalam rundingan dengan Lembaga Getah Malaysia walhal Lembaga Getah Malaysia tiada pengetahuan dan tidak pernah mengarahkan sesiapa membuat eksh P2. Ini telah mengakibatkan Sykt Kobay Technology Bhd mengalami 'wrongful loss' manakala kedua-dua tertuduh pula telah mendapat *wrongful gain*;

(c) niat curang kedua-dua tertuduh juga boleh dilihat melalui tindakan mereka memohon perlanjutan masa sebulan dari 31 Oktober 2015 untuk perlaksanaan *joint development agreement* ('eksh P15') sedangkan Sykt Kobay Technology Bhd melalui SP9 telah pun mendapat tahu bahawa hartanah tersebut telah diberi *provisional award* kepada pihak ketiga sejak 10 Julai 2014 dan permintaan SP9 untuk berjumpa dengan SP8 untuk klarifikasi tidak pernah dipenuhi oleh kedua-dua tertuduh sehingga menyebabkan SP9 terpaksa menghubungi SP8 sendiri dan akhirnya menyedari telah ditipu oleh kedua-dua tertuduh; dan

(d) akibat dari perdayaan tersebut, SP9 telah menyerahkan wang berjumlah RM3.4 juta melalui Tetuan Raziah & Partners di mana SP9 tidak akan melakukan sedemikian jika tidak diperdayakan oleh kedua-dua tertuduh.

[43] Tertudah pertama dan tertuduh kedua mempunyai niat bersama untuk menipu SP9 menerusi keterangan-keterangan berikut:

(a) pada 10 Ogos 2015, kedua-dua tertuduh hadir bersama-sama dalam sesi perjumpaan dengan SP1 dan SP2 di Wisma YMCA. Pada masa perjumpaan tersebut tertuduh pertama telah memperkenalkan tertuduh kedua sebagai personal consultant kepada SP8 dan menyatakan syarat untuk membayar RM3.4 juta jika berminat dengan projek usahasama pembangunan hartanah tersebut;

(b) pada 28 Oktober 2015, di dalam perjumpaan di Hotel Hilton yang dihadiri oleh SP2, SP4, SP9, sekali lagi tertuduh kedua memperkenalkan dirinya sebagai wakil kepada SP8;

(c) merujuk kepada kandungan surat P6 dan P8, tertuduh pertama menyatakan bahawa tertuduh kedua adalah *consultant* mereka;

(d) SP4 dan SP9 seringkali menghubungi kedua-dua tertuduh melalui telefon, mesej dan *Whatsapp* untuk menuntut wang RM3.4 juta dipulangkan kembali;

(e) pada 18 Januari 2016, kedua-dua tertuduh telah bersama-sama datang berjumpa SP9 di Pulau Pinang untuk menyerahkan cek P23 yang dibayar atas nama Tetuan Raziah & Partners dan turut dimaklumkan untuk tidak menyerahkan lagi cek tersebut kepada Tetuan Raziah & Partners kerana kekurangan dana dalam akaun bank;

(f) terdapat keterangan yang menunjukkan tertuduh kedua telah menggunakan wang RM43,000 dari akaun klien JGA untuk membeli sebuah Mercedes Benz S280(A) dari Sykt Prominent Automobile (rujuk P59, P60, P70, P71 dan P31); dan

(g) walaupun tertuduh kedua bukan seorang penandatangan dalam firma guaman Jaswinder Gill & Assoc berdasarkan keterangan di atas tertuduh kedua telah bersama-sama mengambil bahagian dalam memperdayakan mangsa melalui beberapa siri perbincangan dan perjumpaan disertai dengan surat-menyurat.

Bagi pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001

[44] Kedua-dua tertuduh telah melibatkan diri dengan aktiviti pengubahan wang haram iaitu dengan menggunakan atau memindahkan atau memperoleh wang hasil daripada aktiviti haram dan kedua-dua mereka dipertuduhkan dengan kesalahan aktiviti haram iaitu dibawah s 420 Kanun Keseksaan yang merupakan kesalahan berat di bawah Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001.

[45] Wang dari akaun firma Tetuan Raziah & Partners dipindahkan akibat dari pemerdayaan kedua-dua tertuduh ke dalam akaun klien firma guaman Jaswinder Gill & Assoc. Selepas itu, wang-wang tersebut yang berjumlah RM3.4 juta telah dialirkan pula ke akaun persendirian saksi-saksi kes AMLATFPUA tanpa alasan munasabah sedangkan wang tersebut adalah sepatutnya disimpan oleh tertuduh pertama sebagai pemegang wang pertaruhan dan tidak boleh digunakan untuk urusniaga selain dengan mangsa.

[46] Melalui surat eksh P90, Majlis Peguam telah mengesahkan tertuduh pertama adalah bekas rakan kongsi firma guaman Jaswinder Gill & Assoc dan borang pembukaan akaun Hong Leong Bank Bhd ('eksh P29') menunjukkan hanya tertuduh pertama sahaja yang mempunyai akses terhadap pengendalian akaun. Di simpulkan bahawa tertuduh pertama tahu dan mempunyai sebab untuk percaya atau syak munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram.

[47] Tertuduh kedua juga turut mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti wang haram apabila menggunakan wang sebanyak RM43,000 daripada hasil aktiviti haram tersebut diguna pakai untuk membeli sebuah kereta Mercedes Benz S280(A) dari Sykt Prominent Automobile. Pembelian ini disokong oleh eksh P59, P60, P70 dan P71 serta transaksi pada 25 September 2015 di dalam eksh P31.

[48] Kedua-dua tertuduh juga tiada mengambil langkah yang munasabah untuk menyemak menentukan sama ada atau tidak harta itu adalah daripada aktiviti haram, tambahan lagi terdapat jumlah kemasukan wang yang besar.

[49] Memandangkan kedua-dua tertuduh terlibat secara peribadi dalam perundingan sama ada melalui surat-menyurat atau perbincangan dengan SP1, SP2, SP4, SP7 dan SP9 maka kedua-dua tertuduh sememangnya mempunyai sebab untuk mempercayai dan berpengetahuan berkenaan dengan kemasukkan wang RM3.4 juta ke akaun firma Jaswinder Gill & Assoc merupakan hasil penipuan dan pemerdayaan untuk penyerahan wang dan transaksi yang berlaku dalam akaun tersebut.

[50] Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh bagi satu pertuduhan predikat di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan kesemua pertuduhan di bawah AMLATFPUAA 2001. Pembelaan diri dipanggil.

RUMUSAN KES PEMBELAAN

[51] Tertuduh pertama dan tertuduh kedua memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.

[52] Tertuduh pertama ('SD1') dan tertuduh kedua ('SD2') tidak memanggil mana-mana saksi pembelaan kecuali diri mereka sendiri sahaja.

[53] Kedua-dua tertuduh mengatakan bahawa dari 28 Ogos 2015 (tarikh surat eksh P12) sehingga 10 September 2015 (tarikh di dalam pertuduhan), mereka tidak tidak pernah berjumpa SP9 di pejabat tertuduh pertama apatah lagi memperdayakan SP9 untuk menyerahkan cek tersebut.

[54] Tertuduh pertama menyatakan bahawa wang berjumlah RM3.4 juta telah dibayar oleh Tetuan Raziah & Partners dan bukannya datang daripada SP9.

[55] Tertuduh pertama mengakui ada menerima RM3.4 juta tersebut sebagai yuran professional (*professional fees*) bagi projek usahasama dan wang tersebut bukannya wang haram hasil dari penipuan.

[56] Tertuduh pertama menyatakan bahawa dia diberi kuasa melalui perbualan telefon antara dia dan SP4 dan dipersetujui oleh SP9 untuk menggunakan wang RM3.4 juta tersebut sebagai yuran professional.

[57] Tertuduh kedua mengatakan tiada pengetahuan mengenai projek hartanah tersebut.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[58] Di akhir kes pembelaan, pada 6 Julai 2018 hakim mahkamah sesyen yang bijaksana memutuskan bahawa pembelaan yang dibangkitkan oleh kedua-dua tertuduh hanyalah suatu penafian kosong, tidak boleh dipercayai, pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

[59] Sepanjang kes pendakwaan, tidak pernah sesekali saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP4 atau SP9 diletakkan atau dicadangkan bahawa RM3.4 juta adalah yuran professional dan tertuduh pertama dibenarkan menggunakan wang tersebut.

[60] Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana juga mendapati pembelaan kedua-dua tertuduh mengelirukan dan tidak konsisten serta bercanggah dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

RUMUSAN DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI (S 420 KANUN KESEKSAAN)

(a) perbuatan penipuan tersebut lengkap sebaik sahaja cek RM3.4 juta telah disahkan penerimaan pembayarannya ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc pada 10 September 2015;

(b) walaupun tidak adanya perjumpaan antara SP9 dengan tertuduh pertama dan tertuduh kedua pada 10 September 2015 atau sebelumnya samada di pejabat tertuduh pertama atau di mana-mana tempat, elemen penipuan telah wujud apabila cek RM3.4 juta yang dikeluarkan oleh SP7 atas arahan SP9 telah diterima oleh tertuduh pertama pada 10 September 2015 dan cek tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc;

(c) meski pun transaksi penyerahan wang RM3.4 juta itu adalah di antara SP7 dan tertuduh pertama dan bukannya di antara tertuduh pertama dengan SP9, namun Mahkamah Tinggi mendapati daripada keterangan-keterangan saksi-saksi, ianya jelas menunjukkan bahawa SP7 hanya bertindak sebagai peguam bagi pihak Sykt Kobay Technology Bhd dan SP9;

(d) berasaskan surat-surat dari Peguam Tetuan Raziah & Partners dan juga surat-surat dari firma guaman Jaswinder Gill & Assoc dan sesi-sesi perjumpaan/perbincangan, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendapati ianya jelas menunjukkan transaksi kemasukkan wang RM3.4

juta ke dalam firma guaman Jaswinder Gill & Assoc adalah transaksi yang melibatkan antara Sykt Kobay Technology Bhd dan SP9 dengan tertuduh pertama dan tertuduh kedua. Malah perjumpaan SP9 dengan kedua-dua tertuduh pada 28 Oktober 2015 mengukuhkan lagi fakta bahawa transaksi ini tidak melibatkan SP7; dan

(e) terdapat keterangan melimpah-ruah untuk mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan.

RUMUSAN DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI (S 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001)

(a) kedua-dua tertuduh terlibat secara peribadi dalam perundingan samada melalui surat menyurat ataupun perbicangan dengan SP1, SP2, SP4, SP7 dan SP8 dan sememangnya mereka berdua mengetahui dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan wang RM3.4 juta ke dalam akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc adalah hasil daripada penipuan yang dilakukan oleh mereka berdua;

(b) tertuduh kedua juga turut mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa wang berjumlah RM3.4 juta itu adalah hasil daripada aktiviti haram di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM43,000 digunakan untuk membeli kereta Mercedes Benz S280 (A) dari Sykt Prominent Automobil di mana pembelian tersebut disokong oleh eksh P59, P60, P70 dan P71 serta transaksi pada 25 September 2015 iaitu P31;

(c) wang berjumlah RM3.4 juta tersebut bukan lah yuran professional yang membolehkan tertuduh pertama mengeluarkan wang tersebut untuk membuat bayaran-bayaran tertentu yang berlaku dalam sepanjang tempoh bulan September 2015 sehingga December 2015;

(d) kesalahan predikat di bawah s 420 Kanun Keseksaan telah pun dibuktikan oleh pihak pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah dan pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; dan

(e) sabitan ke atas kedua-dua tertuduh bagi pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 adalah selamat kerana wujudnya *overwhelming evidence* untuk mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan pertuduhan-pertuduhan tersebut.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

(a) s 23 Kanun Keseksaan memperuntukkan tafsiran istilah *wrongful gain* dan *wrongful loss* sebagai:

> Wrongful gain is gain by unlawful means of property to which the person gaining is not legally entitled.

A

Wrongful loss is the loss by unlawful means of property to which the person losing it is legally entitled.

A person is said to gain wrongfully when such person retains wrongfully, as well as when such person acquires wrongfully.

B

A person is said to gain wrongfully when such person retains wrongfully, as well as when such person acquires wrongfully.

A person is said to lose wrongfully when such person is wrongfully kept out of any property, as well as when such person is wrongfully deprived of property.

C

(b) s 24 Kanun Keseksaan memperuntukkan tafsiran bagi istilah *dishonestly* atau dengan curang seperti berikut:

Whoever does anything with the intention of causing wrongful gain to one person, or wrongful loss to another person, irrespective of whether the act causes actual wrongful loss or gain, is said to do that thing 'dishonestly'.

D

(c) s 415 Kanun Keseksaan mentafsirkan menipu seperti berikut:

Whoever by deceiving any person, whether or not such deception was the sole or main inducement,

E

(d) *fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to deliver any property to any person, or to consent that any person shall retain any property; or*

F

(e) *Intentionallyinduces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit to do if he were not so deceived and which act and omission causes or likely to cause damage or harm to any person in body, mind, reputation, or property, is said to 'cheat'*

(a) s 420 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

G

Whoever cheats and thereby dishonestly induces the person deceived, whether or not the deception practised was the sole or main inducement, to deliver any property to any person, or to make, alter, or destroy the whole or any part of a valuable security, or anything which is signed or sealed, and which is capable of being converted into a valuable security, shall be punished

H

with imprisonment for a term which shall not be less than one year and not more than ten years and with whipping, and shall also be liable to fine.

(b) s 3 Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 ('AMLATFPUAA 2001') mendefinisikan pencegahan wang haram (*money laundering*) seperti berikut:

I

3 Interpretation

(1) In this Act, unless the context otherwise requires -'money laundering' means the act of a person who —

(a) engages, directly or indirectly, in a transaction that involves proceeds of any unlawful activity;

(b) acquires, receives, possesses, disguises, transfers, converts, exchanges, carries, disposes, uses, removes from or brings into Malaysia proceeds of any unlawful activity; or

(c) conceals, disguises or impedes the establishment of the true nature, origin, location, movement, disposition, title of, rights with respect to, or ownership of, proceeds of any unlawful activity,

where

(aa) as may be inferred from objective factual circumstance, the person knows or has reason to believe, that the property is proceeds from any unlawful activity; or

(bb) in respect of the conduct of a natural person, the person without reasonable excuse fails to take reasonable steps to ascertain whether or not the property is proceeds from any unlawful activity;.

(vi) Seksyen 4 Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Wang Haram 2001 memperuntukkan seperti berikut:

4(1) Any person who —

(a) engages in, or attempts to engage in; or

(b) abets the commission of,

money laundering, commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding fivem ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

(2) A person maybe convicted of an offence under subsection (1) irrespective of whether there is a conviction in respect of a serious offence or foreign serious offence or that a prosecution has been initiated for the commission of a serious offence or foreign serious offence.

PRINSIP UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT RAYUAN

[61] Mengenai isu sabitan, mahkamah dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan seharusnya mengambil pendirian untuk tidak menganggu sabitan yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut terdapat salah arah, tidak menurut undang-undang dan terdapat keterangan kukuh yang menunjukkan bahawa hakim perbicaraan telah terkhilaf di dalam menilai keterangan yang telah dikemukakan semasa perbicaraan.

[62] Di dalam kes *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another*

appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> [51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there were substantial and compelling reasons for disagreeing.

[63] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, Mahkamah Persekutuan menegaskan seperti berikut:

> Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case — or indeed any case to make its own findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial court. The reason is obvious. An appellate court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial court.

[64] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 telah memutuskan seperti berikut:

> The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

KEPUTUSAN KAMI

Bagi kesalahan di bawah s 420 Kanun Keseksaan

[65] Tertuduh pertama telah membuat pengataan palsu bahawa pihak Lembaga Getah Malaysia meletakkan syarat untuk Sykt Kobay Technology Bhd membayar wang komitmen sebanyak RM3.4 juta sedangkan pihak Lembaga Getah Malaysia tidak pernah menetapkan mana-mana syarikat yang berminat untuk meletakkan wang komitmen bagi memulakan rundingan berkenaan pembagunan hartanah tersebut.

[66] Pihak pembelaan cuba membangkitkan isu bahawa eksh P2 (*proposal*/cadangan usahasama) tidak disediakan oleh tertuduh pertama atau tertuduh kedua. Setelah meneliti keterangan saksi-saksı pendakwaan, tiada keraguan di minda kami bahawa eksh P2 telah disediakan oleh tertuduh pertama bertujuan untuk memperdayakan mana-mana orang termasuklah broker hartanah (SP1, SP2 dan SP3) dan SP4 serta SP9 mengenai *proposal* tersebut. Malah berdasarkan keterangan SP1, SP2, SP4, dan SP9 sepanjang

perbualan mereka dengan kedua-dua tertuduh sama ada secara dalam telefon atau bersemuka, tertuduh pertama tidak mempamirkan rasa hairan bagaimana nama firmanya terkandung di dalam eksh P2 mahupun menafikan penglibatan firmanya sebaliknya tertuduh pertama mengiyakan bahawa firma guaman Jaswinder Gill & Assoc yang mengendalikan urusan hartanah tersebut.

[67] Pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan tidak berasas. Ini adalah kerana tiada perjumpaan yang berlaku di antara SP9 dan kedua-dua tertuduh pada 10 Mei 2015 yang berlangsung satu pertemuan di Wisma YMCA. Begitu juga pertemuan usahasama hanyalah dibuat di antara kedua-dua tertuduh dengan SP7 dari Tetuan Raziah & Partners sahaja tanpa kehadiran SP9.

[68] Pada hemat kami, isu yang diketengahkan ini tidak mempunyai merit. Ini adalah kerana berdasarkan kepada keseluruhan keterangan kes pendakwaan, pada 9 September 2015 pembayaran RM3.4 juta telah dilakukan melalui cek HLB No 750242 kepada firma guaman Jaswinder Gill & Assoc dan firma guaman tersebut telah mengesahkan penerimaannya pada 10 September 2015.

[69] Majlis Peguam melalui eksh P90 telah mengesahkan bahawa tertuduh pertama adalah bekas rakan kongsi firma guaman Jaswinder Gill & Assoc. Seterusnya borang pembukaan akaun Hong Leong Bank Bhd ('P29') menunjukkan hanya tertuduh pertama mempunyai akses terhadap pengendalian akaun tersebut.

[70] Namun begitu, apabila SP9 pada 23 Oktober 2015 mengetahui bahawa hartanah tersebut akan dimajukan oleh pihak ketiga, SP9 terus mengarahkan SP7 menulis surat kepada tertuduh pertama untuk mengesahkan status usaha sama di antara Sykt Kobay Technology Bhd dengan Lembaga Getah Malaysia.

[71] Setelah penipuan mereka mengenai projek usahasama ini terbongkar akhirnya, maka kedua-dua tertuduh lantas pada 18 Januari 2016 telah pergi berjumpa dengan SP9 di Pulau Pinang untuk menyerahkan cek berjumlah RM3.4 juta yang tidak dapat ditunaikan kerana tiada wang amaun berkenaan dalam akaun firma tertuduh pertama tersebut.

[72] Niat curang tertuduh pertama dan tertuduh kedua juga boleh disiratkan melalui tindakan mereka memohon perlanjutan masa sebulan dari 31 Oktober 2015 untuk perlaksanaan *joint development agreement* (eksh P15) sedangkan Sykt Kobay Technology Bhd melalui SP9 telah mendapat tahu bahawa hartanah tersebut telah diberi *provisional award* kepada pihak ketiga sejak 10 Julai 2014 dan permintaan SP9 untuk berjumpa dengan SP8 untuk klarifikasi tidak pernah dipenuhi oleh tertuduh pertama dan tertuduh kedua

menyebabkan SP9 terpaksa menghubungi SP8 sendiri dan akhirnya SP9 menyedari telah ditipu oleh kedua-dua tertuduh.

[73] Berpaksikan kepada keterangan di atas sudah terang lagi bersuluh bahawa SP9 tidak akan mengarahkan SP7 menyerahkan wang RM3.4 juta kepada firma guaman tertuduh pertama sekiranya tidak diperdaya dengan curang oleh kedua-dua tertuduh dengan menawarkan projek usahasama dengan Lembaga Getah Malaysia yang tidak wujud.

[74] Isu yang selanjutnya menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh tertuduh kedua di mana dihujahkan bahawa tertuduh kedua tiada penglibatan di dalam kes ini. Ini adalah kerana telah didepositkan cek RM3.4 juta ke dalam akaun firma tertuduh pertama oleh Tetuan Raziah & Partners dan dengan demikian tertuduh kedua tiada kaitan dengan pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan pertuduhan bawah AMLATFPUAA 2001.

[75] Dengan hormatnya, penghujahan ini tidak mempunyai merit untuk diberikan pertimbangan. Penglibatan tertuduh kedua sebagai 'personal consultant' kepada SP8 iaitu CEO Lembaga Getah Malaysia mengenai urusan projek usahasama ini dilakukan dengan niat bersama dengan tertuduh pertama dari awal sehingga lah penipuan mereka ini terdedah akhirnya. Keterangan yang dizahirkan mengenai penglibatan tertuduh kedua adalah seperti berikut:

(a) tertuduh pertama telah memperkenalkan tertuduh kedua kepada SP1, SP2, SP4 dan SP9 sebagai wakil dan consultant yang telah dilantik oleh pihak LGM (rujuk keterangan SP1, SP2, SP4 dan SP9);

(b) menurut keterangan SP4 dan SP9, mereka sering berhubung dengan tertuduh pertama dan tertuduh kedua berkenaan pemulangan wang tersebut melalui telefon namun mereka sering memberi pelbagai alasan;

(c) tertuduh pertama dan tertuduh kedua juga pergi berjumpa dengan SP9 di Pulau Pinang pada 18 Januari 2016 untuk menyerahkan cek berjumlah RM 3.4 juta yang tidak bernilai; dan

(d) terdapat keterangan dari kes AMLATFPUAA 2001 bahawa tertuduh kedua telah menggunakan wang dari akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc untuk membeli kereta Mercedes.

[76] Harus juga diingati bahawa pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh ini adalah di bawah s 420 Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama s 34 Kanun Keseksaan (niat bersama).

[77] Di dalam kes *Namasiyiam Doraisamy v Public Prosecutor & Other Cases* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540, Mahkamah Agung melalui

penghakiman yang disampaikan oleh Syed Agil Barakbah HMA (beliau pada ketika itu) telah menggariskan undang-undang yang harus diguna pakai bagi persoalan niat bersama.

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was: (a) a common intention to commit the very offence of which the Accused persons are sought to be convicted; and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused. (see the Supreme Court (of India) on *Criminal Law* 1950–1960 by JK Soonavala pp 188–193).

[78] Di dalam kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor & other appeals* [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raus Sharif PMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> [47] It is helpful to analyse s 34 in terms of these elements:
>
> (a) a criminal act;
>
> (b) participation in doing of the act;
>
> (c) a common intention between the parties; and
>
> (d) the act must be done in furtherance of the common intention.
>
> [48] At this juncture, it is convenient first to address the generally accepted principles on the operation of s 34. The position in respect of these elements is fairly uncontroversial, and the relevant principles gleaned from the authorities in Malaysia, Singapore and India can be briefly dealt with.
>
> [49] It is widely acknowledged that s 34 is a rule of evidence which embodies the commonsense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly, it is just the same as if each of them had done it individually (*Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and Other Appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603).
>
> [50] If it is shown that the criminal act complained against was done by one of the accused persons in furtherance of the common intention of all, liability for the crime may be imposed on any one of the persons in the same manner as if the act were done by him alone (*Mahbub Shah v Emperor* AIR 1945 PC 118).

A [51] The provision is intended to meet a case in which it may be difficult to distinguish between acts of individual members of a party who act in furtherance of the common intention of all or to prove exactly what part was taken by each of them (*Hari Ram v State of Uttar Pradesh* [2004] 8 SCC 146). In those circumstances, the law makes no distinction between them or between the parts played by them in B doing the criminal act (*Bashir v State* AIR 1953 All 668).

[52] Presence is not necessary to constitute participation in every case. It is sufficient for the accused to have done an act with some nexus to the offence (*Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 CLJ 466 *and Manikumar Sinappan & Ors v Public Prosecutor* [2015] MLJU 1956; [2016] 3 C MLRA 1).

[53] Common intention, distinguished from the same or similar intention, requires proof that the criminal act was done in pursuance of a pre-arranged plan (Mahbub Shah). Such pre-planning may develop on the spot or in the course of commission of an offence, the crucial test being the plan must precede the commission of the D offence (*(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336).

[54] A common intention may be often be difficult to prove by way of direct evidence in practice, but it can be inferred from the circumstances of the case and E the conduct of the accused (*Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] CLJ Rep 101).

[66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because common intention is essentially a F state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence G for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved.

Bagi kesalahan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001

H **[79]** Tertuduh pertama dan tertuduh kedua mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa harta yang diterima adalah hasil daripada aktiviti jenayah. Melalui eksh P31, dapat dilihat bahawa terdapat pengaliran wang keluar dari akaun firma guaman Jaswinder Gill & Assoc yang berlaku dalam sepanjang bulan September 2015 sehingga Disember 2015, yang I sepatutnya disimpan oleh tertuduh pertama sebagai pemegang wang pertaruhan dan tidak boleh digunakan untuk urusniaga lain selain daripada urusan dengan SP9 sahaja. Pembelaan yang dibangkitkan bahawa wang RM3.4 juta tersebut adalah yuran professional dimana tertuduh pertama berhak mengeluarkan wang-wang tersebut untuk membuat bayaran-bayaran

seperti yang dinyatakan di atas adalah tidak berasas sama sekali serta gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah.

[80] Keterangan kedua-dua tertuduh saling bercanggah di antara satu dengan yang lain. Tertuduh pertama mengakui menerima RM3.4 juta sebagai yuran professional namun tertuduh kedua pula mengatakan wang tersebut adalah wang komitmen.

[81] Tertuduh kedua juga telah menggunakan wang pertaruhan untuk membeli sebuah kereta Mercedes Benz S280 (A) dari Sykt Prominent Automobil (eksh P59, P60, P70 dan P71).

[82] Tertuduh kedua pada mulanya menafikan mempunyai pengetahuan tentang ada wang berjumlah RM3.4 juta dimasukkan ke dalam akaun klien firma guaman Jaswinder Gill & Assoc namun semasa pemeriksaan balas tertuduh kedua mengakui mengetahui RM3.4 juta telah dimasukkan ke akaun klien milik firma guaman tertuduh pertama.

KESIMPULAN

[83] Setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan dan penghujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, kami sebulat suara mendapati tiada terdapat kekhilafan mengenai sabitan di dalam keputusan yang di buat oleh hakim mahkamah sesyen yang kemudiannya disahkan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana. Kami mendapati tiada merit dalam rayuan oleh kedua-dua tertuduh ini. Sabitan terhadap kedua-dua tertuduh di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 adalah selamat untuk dikekalkan. Justeru itu, kami sebulat suara menolak rayuan mereka terhadap sabitan.

Hukuman di bawah s 420 Kanun Keseksaan

[84] Hukuman bagi pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua tertuduh iaitu pemenjaraan selama empat tahun dan denda RM100,000 jika gagal bayar pemenjaraan selama tiga bulan dikekalkan. Rayuan kedua-dua tertuduh terhadap hukuman ditolak.

Hukuman di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 bagi tertuduh pertama

[85] Hukuman bagi pertuduhan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 adalah seperti berikut:

(a) bagi kesemua 22 pertuduhan terhadap tertuduh pertama hukuman pemenjaraan selama dua tahun bagi setiap pertuduhan dikekalkan dan berjalan secara serentak;

A (b) hukuman denda bagi setiap pertuduhan sebanyak RM5 juta juga dikekalkan cuma jika gagal bayar sahaja berubah dari pemenjaraan selama satu tahun kini digantikan kepada pemenjaraan selama tiga bulan sahaja bagi kesemua pertuduhan; dan

B (c) hukuman pemenjaraan bagi pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 berjalan secara serentak. Waran komital terhadap tertuduh pertama dikeluarkan.

Bagi tertuduh kedua

C **[86]** Hanya terdapat satu pertuduhan sahaja di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001.

(a) hukuman pemenjaraan selama dua tahun bagi satu pertuduhan tersebut juga dikekalkan;

D (b) hukuman denda sebanyak RM5 juta juga dikekalkan cuma jika gagal bayar sahaja berubah dari pemenjaraan selama satu tahun kini digantikan kepada pemenjaraan selama tiga bulan sahaja; dan

E (c) hukuman pemenjaraan bagi pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan s 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001 berjalan secara serentak berkuatkuasa pada hari ini (27 Mac 2024). Waran komital terhadap tertuduh kedua dikeluarkan.

Rayuan ditolak.

F Dilaporkan oleh K Selvaraju

G

H

I